

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENAMBAHBAIKAN
PROSES PILIHAN RAYA**

BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, BANGUNAN PARLIMEN

RABU, 12 Oktober 2011

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir:

YB. Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili
[Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] - *Pengerusi*
YB. Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]
YB. Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]
YB. Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]
YB. Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]
YB. Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]
YB. Tuan Loke Siew Fook [Rasah]
YB. Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

URUS SETIA

Encik Che Seman bin Pa Chik [Setiausaha Bahagian, Pengurusan Dewan]
Encik Amisyahrian bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha
(Perundangan dan Prosiding)]
Encik Mohd. Ikram bin Seri @ Rahimi [Penolong Setiausaha Kanan
(Perundangan dan Prosiding)]
Encik Wan Kamarul Ariffin bin Wan Ibrahim [Penolong Setiausaha I
(Perundangan dan Prosiding)]

HADIR BERSAMA

Suruhanjaya Pilihan Raya

YBhg. Datuk Kamaruddin Mohamed Baria [Setiausaha]
Encik Mohd Khanafei bin Mohd Jamil [Ketua Penolong Setiausaha]
Encik Hamzah bin Mohd Noor [Penolong Setiausaha]
Puan Hartini binti Mohd Noor [Penolong Setiausaha]

samb/-

HADIR BERSAMA (*samb/-*)

Kementerian Dalam Negeri

YBhg. Tuan Haji Wahab bin Yasin [Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)]
YBhg. Dato' Alias bin Haji Ahmad [Ketua Pengarah (Jabatan Imigresen Malaysia)]
YBhg. Datin Zariah binti Mohd Said [Ketua Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan
dan Sumber Manusia (Jabatan Pendaftaran Negara)]
Puan Siti Zauyah binti Osman [Setiausaha Bahagian
(Pendaftaran Negara dan Pertubuhan)]
Encik Muhamad Sade bin Mohamad Amin [Setiausaha Bahagian
(Parlimen dan Kabinet)]

Parlimen Malaysia

Encik Noor Rosidi bin Abdul Latif [Penasihat Undang-undang]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENAMBAHBAIKAN
PROSES PILIHAN RAYA****PARLIMEN KEDUA BELAS, PENGGAL KEEMPAT****Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****RABU, 12 Oktober 2011****Mesyuarat dimulakan pada pukul 12.34 petang**

[Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili
mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Pengurus: Baiklah. Salam sejahtera dan selamat tengah hari kepada semua Ahli Yang Berhormat Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Parlimen, mengenai penambahbaikan sistem Pilihan Raya Malaysia. Khusus kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah dipilih sebagai Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya Dewan Rakyat Parlimen Yang Kedua Belas iaitu terdiri daripada:

- (i) Yang Berhormat Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad, Ahli bagi kawasan Kangar;
- (ii) Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, Ahli bagi kawasan Alor Gajah;
- (iii) Yang Berhormat Datuk Alexander Nanta Linggi, Ahli bagi kawasan Kapit;
- (iv) Yang Berhormat Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan, Ahli bagi kawasan Hulu Selangor;
- (v) Yang Berhormat Tuan Mohamed Azmin Ali, Ahli bagi kawasan Gombak;
- (vi) Yang Berhormat Tuan Loke Siew Fook, Ahli bagi kawasan Rasah;
- (vii) Yang Berhormat Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli, Ahli bagi kawasan Kuala Krai; dan
- (viii) Yang Berhormat Tuan Wee Choo Keong, Ahli bagi kawasan Wangsa Maju; seterusnya
- (ix) Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah, Setiausaha Dewan Rakyat, merangkap Setiausaha Jawatankuasa Pilihan Khas ini.

Terutama sekali, izinkan saya untuk mengalu-alukan kehadiran dan mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Yang Berhormat Jawatankuasa Pilihan Khas yang telah dilantik dan hadir pada hari ini.

Ini merupakan mesyuarat pertama yang saya mempengerusikan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung dengan penambahbaikan proses pilihan raya. Ahli-ahli Jawatankuasa sekalian tujuan dipanggil mesyuarat ini adalah selaras dengan yang telah dikemukakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung penambahbaikan proses pilihan raya di bawah Peraturan Mesyuarat 81(1) dan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat pada hari Isnin 3 Oktober 2011.

Menurut Peraturan Mesyuarat 76(2) Jawatankuasa Pemilih telah mengeluarkan pernyata bagi melantik Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut dan pernyata tersebut telah di bentang dalam Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat pada 5 Oktober 2011. Tarikh tamat tempoh pelantikan jawatankuasa ini adalah pada hari Isnin, 2 April 2012. Dijangka pada tarikh tersebut Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat telah selesai memutuskan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan menyambung perbahasan rang undang-undang pada Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Kedua Belas.

Melalui usul ini, Jawatankuasa telah diberi tanggungjawab untuk mengkaji perkara-perkara yang akan memperkuatkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) serta mengkaji proses pilihan raya yang bebas dan adil. Jawatankuasa juga dikehendaki menyiapkan dan membentangkan suatu pernyataan jawatankuasa yang mengandungi syor-syor yang dibuat oleh jawatankuasa kepada Dewan Rakyat. Tempoh masa pelantikan jawatankuasa ini adalah selama enam bulan seperti disentuh tadi iaitu dari Oktober 2011 sehingga April 2012, dan ia boleh dilanjutkan sekiranya diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat kita pada hari ini adalah merupakan pengenalan kepada semua berkenaan tugas yang telah diarahkan oleh Dewan Rakyat kepada kita, untuk menunaikan tugas yang diamanahkan oleh Dewan Rakyat adalah dicadangkan supaya jawatankuasa ini memberi tumpuan kepada hal-hal seperti berikut:

- (i) meneliti undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan Pilihan Raya Malaysia;
- (ii) mengkaji proses pilihan raya;
- (iii) usaha untuk menambah baik daftar pemilih; dan,
- (iv) memperkuatkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Bagi menjalankan tugas yang diserah oleh Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, saya mencadangkan agensi yang terlibat secara langsung dalam proses pilihan raya untuk menjadi agensi teraju (*lead agency*) iaitu Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Dalam masa yang sama wakil Peguam Negara (AG) juga diperlukan untuk membantu jawatankuasa ini dalam pelbagai hal berkaitan dengan perundangan serta peraturan bersabit dengan pilihan raya. Wakil dari Kementerian Dalam Negeri (KDN) juga diperlukan terutamanya Jabatan Pendaftaran Negara yang dapat membantu dalam perkara yang bersabit dengan daftar pemilih dalam proses pilihan raya adalah diperlukan.

Lain-lain agensi kerajaan yang boleh dipanggil mengikut keperluan jawatankuasa adalah seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Pertahanan (MINDEF), Kementerian Luar Negeri (KLN), Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK), dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan agensi lain yang fikir oleh Ahli-ahli Jawatankuasa perlu hadir pada sesuatu mesyuarat.

Di samping itu bagi mendapatkan maklum balas daripada pihak awam jawatankuasa akan mengadakan Pendengaran Awam (*Public Hearing*) serta menggunakan lain-lain saluran yang praktikal seperti poskad kad, e-mel dan laman web. Pendekatan ini adalah seperti mana yang digunakan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas sebelum ini.

■ 1240

Sebagai Pengerusi, saya mengambil maklum bahawa berbagai-bagai pandangan dan *input* akan dizahirkan sepanjang terma Jawatankuasa Pilihan Khas ini. Namun, saya cukup yakin bahawa sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa ini walaupun daripada pelbagai parti, kita semua adalah komited ke arah menambah baik sistem dan proses pilihan raya yang cekap dan telus dan boleh menunaikan hak demokrasi rakyat Malaysia. Saya mohon kerjasama dan *input* yang bermutu tinggi daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan dan idea-idea yang diterima dan dipersetujui sebulat suara harus dikemas kini awal untuk dilaksanakan oleh SPR. Pandangan-pandangan yang, dengan izin, *contentious* bolehlah didedahkan kepada pihak awam melalui Pendengaran Awam ataupun *Public Hearing* dan semoga pihak jawatankuasa mendapat pandangan dan *input* yang lebih luas untuk membuat satu keputusan dalam laporan jawatankuasa kelak.

Pada hari ini, saya berhasrat untuk membincangkan isu-isu dan agenda yang dapat kita laksanakan sepanjang tempoh penubuhan jawatankuasa ini. Oleh yang demikian eloklah kita meneruskan mesyuarat ini dengan agenda yang seterusnya iaitu perbincangan mengenai perancangan perjalanan Jawatankuasa Pilihan Khas ini.

Untuk tujuan itu saya mulakan untuk mendapatkan *input* dan komen-komen daripada Ahli Yang Berhormat mengenai terma rujukan (*terms of reference*) jawatankuasa ini serta pendekatan kita untuk menunaikan tugas yang telah pun diamanahkan kepada jawatankuasa.

Dengan itu saya rasa kita boleh masuk terus kepada Agenda Kedua seperti mana di situ dan saya sentuh iaitu perbincangan mengenai perancangan perjalanan Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung penempatan pilihan raya serta pendekatan-pendekatan dan saya buka terus kepada siapa-siapa boleh memulakan. Kita dalam persidangan Parlimen, jadi *standing order* itu berjalan seperti biasa dan *Hansard* adalah seperti mana dalam *Public Accounts Committee proceedings*. Okey, dipersilakan.

Datuk Roosme binti Hamzah [Setiausaha]: Saya hendak maklumkan bahawa SPR telah bagi akta-akta dan peraturan-peraturan, *it is all in the bag*. Jikalau hendak edar..., saya boleh edarkan?

Tuan Pengerusi: SPR telah membekalkan kita dengan semua akta-akta yang berkaitan yang telah dimasukkan dalam beg Parlimen dan bolehlah diedarkan kepada Ahli pada saat ini. Okey, sila.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *The bag.*

Datuk Roosme binti Hamzah: *It is all in the bag. So, we will give each Yang Berhormat a bag and in the bag there is all the documents for all the Members.*

Tuan Pengerusi: Okey, angkat sini sahajalah, bawa sini.

Datuk Roosme binti Hamzah: So, dalam beg itu ada akta-akta yang berkaitan dan peraturan-peraturan.

Tuan Pengerusi: Okey, sambil diedarkan, siapa hendak mulakan untuk berbicara? Ya, Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya berpandangan bahawa Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang dibentuk oleh Dewan Rakyat ini satu jawatankuasa pilihan yang amat penting hasil daripada maklum balas yang kerajaan terima tentang ada keperluan untuk penambahbaikan proses dan perjalanan pilihan raya di dalam negara kita. Sudah tentulah harapan rakyat di luar sana cukup tinggi untuk melihat cadangan-cadangan yang akan dikemukakan oleh jawatankuasa ini cadangan-cadangan yang dapat mencapai matlamat yang diharatkannya oleh Dewan Rakyat dan juga rakyat keseluruhannya.

Bagi saya, untuk mencapai matlamat ini jawatankuasa perlu mendahulukan perbincangan tentang terma-terma rujukan ataupun *parameters* kerana apa yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam usul adalah terlalu umum sedangkan masalah yang berdepan dengan kita hari ini adalah masalah yang agak rumit, beberapa perkara khusus yang hangat diperbincangkan. Maka, saya ingat jawatankuasa bertanggungjawab untuk mencerakinkan ataupun menghalusi dahulu terma-terma rujukan yang saya kira perlu mengambil sikap menyeluruh, tidak selektif dalam pendekatan kita.

Keduanya, saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada Tuan Pengerusi tentang saksi-saksi ataupun pihak-pihak yang akan dipanggil untuk memberi keterangan dalam jawatankuasa ini. Sebahagiannya telah disebut oleh Tuan Pengerusi tetapi saya kira elok kalau kita dibekalkan dengan senarai yang berkenaan dan kalau kita rasa ada *stakeholders* yang lain yang perlu dipanggil untuk membantu jawatankuasa, kita boleh bersetuju untuk menambah senarai pihak-pihak yang berkenaan. Saya juga ingin mencadangkan supaya SPR dipanggil sebagai pemberi ataupun saksi yang pertama dalam jawatankuasa ini kerana mereka mempunyai kepentingan langsung dalam perkara yang kita bincangkan sebelum kita memanggil saksi-saksi yang lain.

Akhirnya, saya juga ingin mengambil maklum bahawa cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh BERSIH harus dipandang serius dalam lapan tuntutan yang telah dikemukakan kerana BERSIH ini merupakan satu gabungan NGO dan *civil societies* yang bagi saya mereka adalah *stakeholders* dalam proses pilihan raya dan demokrasi di dalam negara kita. Maka, tuntutan-tuntutan itu bukan dibuat atas nama individu ataupun atas nama BERSIH tetapi mewakili pandangan rakyat keseluruhannya. Saya kira tidak wajar kalau kita sebagai jawatankuasa yang memikul tanggungjawab Dewan Rakyat ini yang mewakili rakyat Malaysia keseluruhannya dengan mudah menolak cadangan-cadangan yang telah dikemukakan. *We may agree or we may disagree* tetapi sekurang-kurangnya jawatankuasa bertanggungjawab untuk memberi perhatian terhadap cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh BERSIH bagi lebih 60 NGO dan *civil societies* yang ada di dalam negara kita.

Jadi, saya ingat kita harus mengambil sikap yang lebih terbuka dan bertanggungjawab dalam meneliti perkara ini supaya *recommendations* yang kita akan bentangkan dalam Dewan Rakyat pada bulan April ini benar-benar mewakili sentimen dan keprihatinan rakyat Malaysia keseluruhannya. Jadi, saya ingin memulakan dengan mencadangkan terma rujukan bagi jawatankuasa ini perlu jelas dan perlu menyeluruh dan tidak selektif sifatnya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Gombak di atas pandangan yang saya rasa perlu kita pertimbangkan. Jika tiada respons saya buka dahulu untuk pandangan yang lain dan selepas itu baru saya cuba rumus ke arah memfokuskan kepada topik-topik yang dibangkitkan semua. Yang Berhormat Kangar ada apa-apa.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatu, salam sejahtera. *Are we on?*

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya bersetuju bahawa *the terms of reference* yang dibagi kepada kita ini agak wide, jadi kita harus fokus kepada perkara-perkara yang kita harus bincang di sini dan putuskan. *It is very simple.* Jadi, yang kedua sekali itu tentang orang-orang yang perlu hadir di hadapan kita, saya ingin memaklumkan *the procedurenya* kita tidak *invite* orang, orang itu kita buka, siapa mahu, *they will respond*. Saya cadangkan supaya mereka menghantar memorandum dahulu tentang perkara-perkara yang kita putuskan dan di antara memorandum *or some form of writing*lah supaya kita ada *basis* untuk kita hendak menilaikan adakah orang itu diberi nombor satu kah, nombor tiga kah, nombor empat kah dalam segi datang berjumpa dengan kita.

Saya percaya *that we have to be open, of course we are open*. Kita semua *open, we have to hear*, kita dengar siapa sahajalah datang, dia mengemukakan pandangan dan pendapat melalui memorandum dan kita fikir harus kita dengar, *we will give them a hearing, absolutely, no problem*. Saya sokong sebab inilah tujuan dan tugas kita yang utama. Kita hanya ada enam bulan sahaja dan tentang cadangan daripada Yang Berhormat Gombak untuk kita mulakan dengan memanggil ataupun mempelawa SPR, saya ingat itu cadangan yang baik.

■ 1250

Ini disebabkan SPR merupakan *the target* dalam kita hendak membaik pulihkan ataupun memperbaiki sistem pilihan raya di negara kita ini. Mungkin SPR akan mengemukakan pandangan dan pendapat mereka, dan *gives us the opportunity*. Kita ini sebagai jawatankuasa untuk mempersoalkan dan menanya kepada SPR, apakah cadangan dan pandangan mereka.

Selain daripada itu, saya fikir yang lain-lain yang mungkin kita harus beri masa untuk mengemukakan pandangan dan pendapat adalah pihak yang disebutkan oleh Yang Berhormat sebagai saudara pengerusi tadi itu, mungkin pihak poliskah, pihak tentera. Ini ada berkaitan dengan undi-undi pos dan seterusnya yang kita hendak kaji.

Jadi, saya berpendapat *we have to start with the open mind*. Kita sebagai satu pasukan, *we have to approach the public*, mempelawa mereka, membuka ruang untuk mereka mengemukakan pandangan dan pendapat kepada kita dan kita buat rumusan *as a team*. Itulah pandangan saya.

Tuan Pengerusi: Okey. Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya. Yang Berhormat Hulu Selangor.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih. Saya bersetuju dalam fungsi pekerjaan kita ini kita mesti ambil sikap terbuka. Siapa yang mahu jumpa kita, kita terimalah sama ada dalam konteks memorandum ada *oral presentation* sebagai ahli ini, saya rasa kerja kita penting dan kita perlulah dengar sesiapa pun yang hendak berjumpa dengan kita. Oleh kerana tempoh kita adalah pendek, saya rasa kita boleh cari strategi-strategi tertentu untuk menghasilkan sebanyak yang kita boleh dapatlah.

Kita boleh kaji daripada segi langkah-langkah yang boleh dilaksanakan sekaligus dan juga langkah-langkah yang mengambil masa yang panjang sedikit. Di samping itu kita boleh buat laporan sama ada dalam laporan interim untuk dilaksanakan sebaik sahaja yang boleh dan langkah-langkah yang rasa Perlembagaan atau akta-akta yang baru itu, kita boleh juga cadang tetapi itu memanglah kita faham, ambil masa yang panjang sedikitlah. Itulah cadangan saya.

Tuan Pengerusi: Okey. Terima kasih yang telah mengucapkannya. Ya Yang Berhormat Hulu Langat, Yang Berhormat Hulu Selangor.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Okey Tuan Pengerusi. Terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya. Pendapat Yang Berhormat Gombak dan juga Yang Berhormat Kangar dan juga Yang Berhormat Alor Gajah merupakan pendapat yang bernalas. Saya setuju. Kita juga harus memberikan peluang memaklumkan kepada beberapa ramai yang boleh melalui media massa, media cetak, media elektronik untuk memastikan kita memaklumkan kepada mereka masa, tarikh dan sebagainya dan kita boleh menyuruh mereka, meminta menulis kepada kita melalui e-mel ataupun surat rasmi supaya di maklum atau kita beri peluang kepada mereka.

Saya rasa banyak badan bukan kerajaan di luar sana, parti-parti politik juga ingin memberikan pendapat mereka dan kita harus telus apabila kita mendapat pendapat-pendapat daripada orang ramai di luar sana. Pada masa yang sama, kita sedar bahawa seperti mana yang dikatakan oleh Tan Sri tadi, kita ada masalah masa, kekangan masa.

Oleh yang demikian saya rasa kita harus juga mempercepatkan juga proses pertemuan kita, perbincangan kita untuk melaksanakannya. Cadangan Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn tadi bahawa satu laporan interim, saya rasa itu wajar dan perlu untuk memberitahu kepada orang ramai bahawa jawatankuasa ini memang serius dan komited untuk menambah baik proses yang sedia ada.

Ini cukuplah dalam masa selepas laporan interim, laporan terakhir akan memberi secara luasnya maklumat-maklumat yang diperlukan. *Lead agency* dalam jawatankuasa ini Suruhanjaya Pilihan Raya oleh demikian kita rasa kita perlu penglibatan mereka secara telus, ikhlas dan *very transparent* dengan segala keperluan jawatankuasa ini untuk memastikan kita dapat mengenal pasti masalah sedia ada. Kita juga boleh bersama-sama membantu mereka mengemaskinikan sistem dan menambah baik proses. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Saya sedikit hendak mengingatkan bahawa, kita dalam persidangan Parlimen. Parlimen sekarang masih dalam persidangan sampai bulan 12, 2 haribulan atau 1haribulan, begitulah.

Datuk Roosme binti Hamzah: 1 Disember.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Jadi, mengikut peraturan kita tidak boleh mengadakan *Public Hearing*. Itu yang *constraintnya* kita ini.

Seorang Ahli: *Weekend* boleh, hari Jumaat pun boleh.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ini kerana dalam Peraturan Mesyuarat ia mengatakan bahawa *while the House is in sitting*, kita tidak boleh adakan *Public Hearing*. Itulah yang kita...

Beberapa Ahli: *Weekend? [Disampuk]*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: ...*While sitting*.

Tuan Pengerusi: *We suggesting on weekend.*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Jadi kita adalah macam *Monday, Tuesday, Wednesday, Thursday* tidak bolehlah ada. So, *that is our constraint... [Disampuk] [Ketawa]*.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali: Kita kena balik kawasan, pilihan raya sudah dekat ini... *[Ketawa]*

Seorang Ahli: *We have to set the date earlylah.*

Tuan Pengerusi: *We have got through it* untuk makluman.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *That is our consider...*

Tuan Pengerusi: Selepas nanti saya mendengar sekeliling. Kita ada draf makluman kepada awam, kita ada tarikh-tarikh *Public Hearing* yang saya ingin bentangkan nantilah.

Cadangan kita ialah kita jangan tunggu selesai *Parliament sitting* kedua belas ini, kita mungkin *meet* sebelah hujung minggu, *weekend*. Itu cadangan tetapi ia terbuka kepada semua. Okey, Yang Berhormat Rasah.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Yang Berhormat Gombak senang. Dekat sahaja. Saya hendak balik jauh.

Tuan Pengerusi: Ya, kami juga mahu balik kampung.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya saya bersetuju sangat dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Gombak tadi bahawa mesyuarat kita pada tengah hari ini perlu ada satu rumusan, kerangka apa yang kita hendak capai dalam jawatankuasa ini, dalam tempoh enam bulan. Itu terma-terma rujukan sangat penting. Seperti yang kita tahu bahawa usul yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat; “*Penambahbaikan Sistem Pilihan Raya*”, itu adalah satu objektif yang terlalu umum, terlalu besar. Apa yang kita hendak capai daripada itu?

Saya rasa kita perlu ada satu kerangka, beberapa objektif minimum yang kita perlu capai dalam enam bulan ini. Kita tahu bahawa kalau hendak menambah baik secara keseluruhan itu mungkin dalam enam bulan ini tidak cukup masanya. Akan tetapi saya rasa ada beberapa isu dan perkara yang kita perlu fokus dan ada beberapa masalah ataupun isu yang sering timbul yang kita rasa perlu diberikan keutamaan, *priority* dalam jawatankuasa ini supaya kita boleh tambah baik dalam enam bulan ini dan berikan satu cadangan.

Saya rasa ada tiga isu yang kita perlu berikan *priority* dalam jawatankuasa ini dalam proses *Public Hearing* kita dalam enam bulan ini. Pertamanya, isu yang sering timbul iaitu daftar pemilih, *voter registration* ataupun *electoral roll* kita yang bagaimana kita boleh bersihkan, bagaimana kita boleh tambah baik daripada segi mendaftar pemilih baru, sama ada terdapat pemilih yang berlipat-ganda atau masalah-masalah yang lain. Saya rasa ini perkara yang perlu kita fokuskan yang paling penting, *fundamental issues*, *electoral roll*, daftar pemilih. Itu perlu diberikan *priority* dan keutamaan.

Keduanya ialah proses pengundian pada hari mengundi iaitu termasuklah sama ada kita hendak menerima cadangan dakwat kekal ataupun biometrik dan sebagainya, kita perlu kaji *pros and cons* setiap cadangan itu dan juga termasuk proses pengundian ini ialah proses pengundi pos, pengundian pos sama ada bagaimana kita boleh merombak semula cara mengundi di kalangan tentera dan juga undi pos kita supaya memastikan ia lebih terus dan lebih wajar dan diterima oleh semua pihak.

Ketiganya bagi saya ialah mungkin juga *immediate* ialah cara ataupun proses persempadan semula kawasan pilihan raya kerana ini sudah hampir tamat tempohnya bahawa SPR perlu melaksanakan proses persempadan semula dalam mungkin satu, dua tahun ini. Jadi, ini pun perkara yang perlu kita kaji bagaimana boleh tambah baik kerana inilah saya rasa beberapa isu yang sering timbul menjadi persoalan dan juga isu yang sering menjadi *contention issue*.

Saya harap kalau boleh jawatankuasa ini kita boleh berikan *priority* pada beberapa objektif ini supaya kita boleh fokus pada laporan kita terhadap beberapa perkara *fundamental* ini sekiranya boleh. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Okey, ucapan saya dalam kata-kata aluan tadi sebenarnya saya pun telah mengutarakan beberapa bidang. Satu, *the laws, electoral*, undang-undang dan *regulations*. Kedua, *the process*. Ketiga, daftar pemilih. Keempat, SPR sendiri. Jadi selepas nanti... *[Disampuk]* Saya boleh minta input di bawah kepala-kepala tersebut apa yang kita harus *address*.

Okey, Yang Berhormat Kuala Krai.

■ 1300

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kita punya jawatankuasa ini agak *special*, untuk pertama kalinya untuk bidang pilihan raya ini. Jadi, walaupun masa kita terhad kita cuba *maximizekan* hasilnya dan kalau terpaksa ada beberapa perkara yang kita akhirkan atau lewatkan, mungkin kita boleh memohon kepada Dewan atau kepada Majlis.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tidak boleh. Tidak ada masa lagi.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Untuk selepas enam bulan ya... *[Ketawa]*

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Kalau belum bubar.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Kita ada tempoh Parlimen kita ini sampai April 25 tahun 2013 saya dimaklumkan. Kita sebenarnya ada masa. Walau macam manapun ada beberapa perkara yang disebut oleh rakan-rakan tadi saya amat bersetuju. Saya rasa *interim report* kita yang saya rasa beberapa orang telah menyebutnya, kemungkinan ini satu perkara yang kita boleh setuju bersama. Bukan sekadar laporan *what has been discussed, what has transpired during our Public Hearing and so on* tetapi saya ingin mencadangkan supaya dalam *interim report* ini pun kita sudah membuat dua atau tiga cadangan yang mana boleh didahulukan atau diawalkan. Saya ingin memberi contoh, kalau kita bersetuju, misalnya dakwat kekal, itu satu perkara yang mudah dilaksanakan. Kita boleh masukkan dalam *interim report* ataupun cadangan dalam *interim report* yang pertama. Yang lebih beratnya kita mungkin bawa kepada laporan yang terakhir.

Keduanya, oleh kerana jawatankuasa ini agak *special* dan pertama kali kita buat, saya ingin mencadangkan kalau kita boleh melihat *into* apa yang dicadangkan oleh SPRM beberapa ketika iaitu *electoral political financing for example*. Kita masukkan ini walaupun tidak dapat kita buat keputusan awal tetapi *political financing* juga merupakan antara kaedah kita hendak mengawal perjalanan demokrasi dan kita ambil peluang kerana saya yakin kalau kita tanya SPRM, mereka akan mahu mencadangkan kita boleh berbincang untuk menerimanya.

Ketiganya, saya rasa pengalaman kita di Malaysia ini bukan suatu perkara yang khusus yang tidak berlaku di luar, di negara-negara lain. Saya juga hendak mencadangkan kalau kita boleh mendapatkan maklumat daripada perjalanan mana-mana sistem pilihan raya yang kita rasa boleh dijadikan perbandingan ataupun kalau kita lihat ada kebaikan mungkin kita hendak tengok beberapa perkara yang mungkin tidak ada pada kita tetapi ada pada mereka yang boleh kita bincang dan kita *adopt* bersama. Ini bermaksud kita mendapatkan maklumat daripada demokrasi-demokrasi yang lain bagi panduan kita. Itu pun kalau kita rasa kita dapat manfaatkan untuk membantu kerja kita ini. Jadi Tuan Pengerusi, itu tiga perkara yang hendak saya sebut.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kapit.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Pengerusi, saya memang selepas mendengar dari beberapa ahli, tinggal kami berdua lagi iaitu Yang Berhormat Wangsa Maju. Semua cadangan itu adalah wajar dan sudah ada pada setiap kita. Jadi, kita setuju kita buat dalam masa yang terhad iaitu enam bulan. Banyak yang diharapkan oleh rakyat. Jadi, tanggungjawab kita ini berat.

Cuma saya khusus kepada- sebab saya disebut untuk mewakili Sarawak. Kalau kita buat *Public Hearing* nanti di Sarawak, satu negeri yang begitu besar, janganlah kita buat di satu tempat seperti di Kuching sahaja sebab mereka yang mungkin jauh di Miri pun sudah juga menghubungi saya untuk diberi peluang. Jadi, kita hendak walaupun dalam masa yang singkat, kita hendak beri peluang kepada semua pelosok rakyat kita untuk mengemukakan pandangan.

Saya cadangkan kepada parti-parti politik biarlah kita secara rasmi tulis kepada setiap parti untuk mereka mengemukakan memorandum atau pun cadangan-cadangan secara bertulis. Itu adalah mungkin satu cara yang cepat dan juga boleh dikatakan secara rasmi daripada semua pihak parti politik. Jadi, setakat itu dahulu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey. Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Pengerasi. Saya memang setuju apa pandangan-pandangan Ahli-ahli jawatankuasa ini mengenai dengan kerja-kerja kita. Memang kita perlu bersikap *open mind*. Kalau tidak jawatankuasa ini memang tidak bermakna. Juga jawatankuasa kita ini hendak mengkaji *electoral reform*. Ini satu subjek yang amat luas. Kita perlu tengok dari sistem perundangan, sistem *social order* dan keadaan dalam negara kita sekarang ini, *political climate* dan *environment*.

Dalam enam bulan memang kita tidak mungkin boleh mencapai matlamat kita. Memang kita pun bukannya cuma *Public Hearing* sahaja tetapi kita perlu dapat melihat daripada *historical factor*, sejarah dalam negara lain. Ini kerana demokrasi kita dalam negara kita cuma 50 tahun. Di *United States of America*, di UK dan di negara lain mereka telah mengalami pelbagai masalah daripada keadaan yang di mana warga wanita sampai hari ini mereka lebih telus, lebih baik, lebih terbuka. Kita perlu juga lihat daripada *historical factor* daripada negara lain. Bukannya kita kena turun, tidak. Kita kena tengok juga keadaan mereka dengan negara kita.

Juga kalau kita hendak ada satu sistem yang amat adil kita perlu tengok dalam *electoral system* kita. Kita, *first-past-the-post system* dengan *proportional representation*. Itu kita perlu lihat dari sudut itu juga. Kalau tidak, dalam sistem pilihan raya ini kadang-kadang kalau ada tiga orang *candidate for example*, kemungkinan majoritinya dua orang *candidate* jumlahnya lebih tinggi daripada orang yang menang.

So, sistem itu memang tidak adil. Jadinya, bukan kata- *Public Hearing* itu memang penting tetapi kita kena lihat daripada prinsip *electoral* sistem kita supaya kita boleh dapat satu sistem yang adil dan boleh diterima oleh rakyat. Ini kerana keadaan di seluruh dunia ada *first-past-the-post* – UK dan di negara Eropah dia ada *proportional representation* iaitu kira undi dua atau tiga kali sebelum kita dapat angka yang terakhir untuk mengelakkan di mana kalau ada tiga orang *candidate* atau empat orang *candidate* dan lebih dari dua calon. So, itulah saya harap jawatankuasa kita boleh lihat dari segi sistem dan bukannya bergantung kepada *Public Hearing* sahaja. Itu bukannya satu perkara yang kita boleh tentukan yang kita ada satu sistem yang amat adil.

Keduanya, saya juga ingin mencadangkan bahawa kita juga perlu mendapatkan nasihat daripada orang-orang yang berkepakaran dalam sistem *election* ini seperti Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Ab. Rashid Ab. Rahman yang berada dalam *Election Commission* berpuluhan-puluhan tahun. Sedikit sebanyak saya rasa beliau juga mesti ada pengalaman di mana kita perlu ada perubahan dan sebagainya. Orang lain dan jangan kita sahaja. Kita juga bukan pakar sangat. Saya pun bukan pakar sangat.

Kita perlu dapat nasihat daripada mereka. Sama ada kita ambil atau tidak, kita boleh discuss. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey. Peluang untuk *second round*. Saya just komen *first on* pandangan-pandangan setakat ini so *that you don't have to repeat*, dengan izin. Saya terima dengan baik cadangan-cadangan satu berkaitan dengan *terms of reference* ataupun terma rujukan. So, selepas ini saya mencadangkan kalau kita boleh *identify the key subject matters*, dengan izin. *And then go into identifying, list points that* kita harus *addressed*, sebagai panduan. Akan tetapi saya hendak '*jump the gun*' dari segi prosedur mendapat maklumat ini.

■ 1310

Cadangan saya akan saya berbincang, akan saya buka untuk *input* ialah kita harus ada dua *meeting* lagi sebelum buka untuk pendengaran awam dan pada masa dua *meeting* itu saya ingin beri peluang kepada semua Ahli Yang Berhormat untuk membuat cadangan-cadangan yang konkret sebagai wakil daripada parti masing-masing.

Okay dengan izin, *you are concern about by own party* pun dengan izin, *I have lot of concern in many issues whether is the law*, ataupun daftar pemilih, ataupun proses atau institusi. *I thought* adalah lebih baik bagi peluang untuk setiap parti komponen wakil untuk membentangkan 20 minit begitu. Kita boleh lihat dari segi timbul perkara-perkara yang diutamakan untuk penambahbaikan.

Selepas itu baru kita *reserved* mana yang kita boleh setuju serta-merta bahawa ini adalah baik dan perlu dilaksanakan oleh SPR. Saya rasa saya telah katakan boleh mula sediakan kertas makluman laporan interim kepada Parlimen sebelum pun tutup Parlimen pada 1hb nanti. Kita perlu mendapat maklumat lebih luas macam penukaran sistem kepada *professional representation*, saya pun suka idea itu tetapi dalam tempoh macam ini *I am not to sure*. Akan tetapi saya bercadang harus ada input pandangan dari segi ini untuk Parlimen. Mana yang *contentious* atau pun kita tidak boleh putus tidak usahlah daripada buat belah bahagian *approach*, kita dengar pendengaran awam, tengok berapa banyak input yang baru. Kemudian baru kita kembali rumuskan. Jadi begitu pendekatan yang saya cadangkan dari segi ini. Yang Berhormat Rasah *you want to give some of the input*.

Tuan Loke Siew Fook: Terima kasih Tuan Pengerusi, susulan daripada apa yang dikatakan Yang Berhormat Gombak dan Yang Berhormat Wangsa Maju, saya teringat bahawa baru-baru ini pihak parti saya dilawat oleh seorang wakil daripada *United Nations* Mr. Kamal Malhotra. Beliau adalah *United Nations Resident Coordinator* untuk Malaysia.

Saya difahamkan bahawa Mr. Kamal juga ada berhubung dan mengunjungi Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz menawarkan perkhidmatan pihak *United Nations* untuk memberikan khidmat nasihat tentang sistem penambahbaikan kerana mereka amat minat terhadap jawatankuasa kita ini.

Saya rasa cuma hendak dapatkan persetujuan ataupun kepastian daripada pihak jawatankuasa sama ada kita dalam *term of reference* kita selain daripada *Public Hearing* sama ada kita membenarkan agensi-agensi antarabangsa seperti *United Nations* untuk memberikan pandangan ataupun kita merujuk kepada *best practices* daripada negara-negara lain. Kalau ini dapat dilakukan, mungkin ia lebih menyeluruh bukan sahaja pandangan daripada masyarakat kita tetapi kita juga melihat daripada pengalaman di negara lain seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju dan juga Yang Berhormat Kuala Krai tadi bahawa kita boleh merujuk *best practices* daripada negara lain.

Tuan Pengerusi: Saya tertakluk kepada pandangan-pandangan yang lain. So...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tuan Pengerusi. Saya rasa kita mesti cepatkan cara kerja kitalah. *I agreed that we have to identify all the various core issues that we have address from the short terms, how do we..., the procedures to check the voter list, procedures for postal vote and so on. I think and those of short terms matters which we have to address. I think..., then from those short terms matters how do we make our process of transparency much clearer you know. I think we need to address that. Then having address that we can present that as internal report. So SPR can take action on that. Then the other longer term issues like re-drawn boundaries, like whether we should have presidential vote and all that, those are longer term issue that involves amendment to the Constitution, that can include in the final report.*

I mean including the possibility of presidential system, why do we on the limit to Prime Minister System, I meant the whole world out there for us to look at the system of democracy. Why we should limit ourselves to the Prime Minister system. So we open our minds, then we can study the whole world. Then that those rationales can come out and let it be contribution from this Committee, so that at least, we have look at those issues and at the end, we had found that the system that we think is good for the country is this. Let it be our contribution.

Tuan Pengerusi: Okey. Itulah yang saya katakan selepas ini, *I can buka sekejap lagi tetapi dan kita lihat subject matters yang kita pandang ia penting dan identify issues yang kita hendak resolve. Then selepas itu saya hendak dengar parti demi parti, your submission, of course Keadilan have their concern.* Kita telah telitiakan BERSIH punya memorandum daripada lapan itu, empat sahaja yang sebenarnya ada kaitan dengan SPR.

The rest is others agency punya. Akan tetapi kita akan panggil daripada *issues relevant*, betul. Kita akan beri peluang kepada Ambiga. Manakala, dalam Pendengaran Awam, biasa kita hanya jemput ataupun apabila mereka memberikan memorandum adalah mereka persatuan yang berdaftar. So *she will have to come in her capacity as "Ambiga"*, walaupun asal *team, and go for the team*. Kalau hendak pakai persatuan, *then we have to register as* persatuan ini *practice* dari dahululah dalam *paper*. Akan tetapi itu kemudian hal. Jadi okey ada lagi sebelum saya *proceed* kepada *key topics?* Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Tuan Pengerusi kalau saya boleh tambah sedikit. Saya hendak ambil pendekatan yang lebih agresif sedikitlah tentang perkara ini. Dalam usaha kerajaan untuk menambah baik sistem pilihan raya membentuk jawatankuasa, ini semua perkara yang positif yang disambut oleh rakyat.

Akan tetapi jangan nampakkan bahawa masa itu, tempoh itu mengehadkan usaha yang baik ini. Kita tidak mahu itu dijadikan alasan, enam bulan. Oleh sebab itu dalam usul ini pun saya tengok, sekiranya jawatankuasa ini merasakan ia tidak dapat menyiapkan satu - melaksanakan tugas yang ditugaskan dalam tempoh tersebut, perkara ini hendaklah dibawa semula ke Majlis. Maknanya ada ruang untuk kita sambung perbincangan ini. Akan tetapi bila kita beri gambaran di luar itu, jangan gunakan alasan enam bulan ini menyebabkan kita dalam keadaan yang tergesa-gesa untuk mengemukakan satu laporan yang kurang lengkap ataupun tidak komprehensif. Jadi usaha yang baik itu akhirnya akan memberi kesan yang negatif. Itu yang pertama.

Kedua, oleh kerana kita tidak tahu bila pilihan raya, saya tidak tahu kalau bagaimana pendirian jawatankuasa ini, kalau boleh memberikan saranan kepada kerajaan walaupun kita tahu ini *priority* Perdana Menteri untuk membubarkan Dewan Rakyat, memberi saranan sementara jawatankuasa ini sedang menimbulkan beberapa cadangan kita menyarankan supaya tidak ada pilihan raya sebelum dikemukakan maklum balas kepada Dewan Rakyat. Well Perdana Menteri boleh terima, Perdana Menteri boleh tolak cadangan itu. Akan tetapi sekurang-kurangnya jawatankuasa itu dilihat ada kredibiliti untuk kalau tidak, dia tidak ada kredibiliti sedang kita bincang soal penambahbaikan pilihan raya *at the same time, you hold general election*. Jadi persepsi umum nampak ini macam ini sandiwara. Jadi ini harus dielakkan, sebab *we have to work as a team*, sebagai jawatankuasa yang ada kredibiliti.

Akhirnya Tuan Pengerusi, saya juga hendak mencadangkan supaya dalam mendapatkan maklum balas daripada awam, saya setuju dengan sahabat lama saya Yang Berhormat Wangsa Maju, yang mencadangkan kita hendak membina satu sistem yang baiklah, itu yang matlamatnya.

Akan tetapi maklum balas daripada *stakeholders* itu juga penting. Akhirnya *we will decide*. Kita dengar semua dan kita yang putuskan saranan apa yang kita hendak bawa.

Cuma saya tidak tahu bagaimana Tuan Pengerusi memutuskan ada enam *Public Hearing* sebelum mesyuarat ini bersidang. Jadi bagi saya - kalau boleh kita dapatkan maklum balas sebanyak mungkin supaya kita dapat buat satu keputusan yang lebih *balance* dan lebih adil dalam memberikan cadangan-cadangan ini khususnya di Sabah dan Sarawak. Sekarang memang ada bantahan kerana jawatankuasa ini tidak diwakili oleh orang Sabah dan Sarawak. *I mean Sabah.*

Seorang Ahli: *Chairman.*

Tuan Mohamed Azmin Ali: *Chairman* ini dia pengurus dia kena bebaslah, dia tidak boleh... *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: *So we want one more.. [Ketawa]*

Tuan Mohamed Azmin Ali: Tidak ada daripada Sabah, sedangkan isu besar ialah berpunca daripada negeri Sabah sebenarnya kalau kita tengok *historical fact* Yang Berhormat Wangsa Maju bangkitkan tadi. Isu pengundi hantu ataupun apa istilah yang digunakan sebenarnya bermula di Sabah, tetapi wakil Sabah tidak ada. Jadi kita kena conduct *Public Hearing* mendengar pendengar rakyat Sabah dan Sarawak bagaimana perasaan mereka supaya *participation* mereka itu dapat membantu jawatankuasa mengemukakan cadangan-cadangan khusus.

■ 1320

Mengenai *terms of reference*, saya hendak masuk satu lagi selain daripada teman-teman saya cadangkan tadi iaitu saya ingat selain daripada daftar pemilih, proses persempadanan semula, *political funding* dan *first past* punya sistem ini, semua saya setuju kita kena teliti itu. *These are the concerns by the public.* Satu lagi yang saya ingat yang kita perlu ambil perhatian ialah soal media ini. Walaupun saya dengar SPR pernah memberi maklum balas itu di luar bidang kuasanya tetapi sebagai badan yang mengendalikan satu proses pilihan raya yang adil, ia juga harus menegur sekurang-kurangnya, adalah ruang untuk SPR sebagai badan untuk memberikan teguran supaya ada keadilan diberikan kepada semua parti-parti yang menyertai pilihan raya dalam konteks media cetak dan media elektronik. Dia tidak boleh lepas tangan begitu sahaja. "Oh, kita hanya mengundi tetapi...", saya ingat sebab dia ada kesan langsung kepada proses itu. Jadi, itu juga harus kita teliti dalam terma rujukan jawatankuasa ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey. *Alright*, dari segi memberi peluang untuk pendengaran awam nanti sebenarnya saya dengan Setiausaha telah pun membuat senarai bila tarikh-tarikh ini, tertakluk kepada Jawatankuasa untuk menentukan.

Akan tetapi itu mengambil kira takwim Parlimen. Jadi, nanti kita edarkan sebentar lagi dan memang itu di Kuching, Kota Kinabalu dan jika dikatakan bahawa tidak mencukupi masa, maka kita boleh bincang bersama. Dari segi Sabah memang saya mewakili- *suppose to be neutral*, dengan izin, dan pada masa yang sama mewakili Sabah. Akan tetapi misalnya dua minggu depan kita membuat penyampaian, *I give 10-20 minit satu parti untuk menetapkan what are your specific concerns, along those areas. Okay, then I would have to minta izin, supaya wakil parti saya Setiausaha Agung misalnya, membuat daripada saya membuat. Dia boleh mengatakan mewakili di Sabah di sana.* Akan tetapi Apabila *Public Hearing* diadakan nanti, saya rasa itu akan lebih menyeluruh.

Mengenai dengan bagaimana mengedarkan, selesai sahaja hari ini, *website* dibuka, pengedaran maklumat (*news*) dibuka di mana Pendengaran Awam akan diadakan apabila kita sudah *confirm*, sahkan tarikh-tarikh dan menjemput pandangan dan memorandum. Selepas kita meneliti memorandum *first round*, nanti kita pilih siapa yang kita akan *cover*, *there will be thousands*. Pengalaman kita dahulu dalam Pendengaran Awam Mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara - PLKN itu 300 lebih *groups*. So, kita perlu memilih mana yang kita rasa perlu didengarkan dan baru kita katakan, okey jemput untuk *appear before us because* kita dah terima memorandum. *They have to prepare*, perlu! Kalau tidak, datang sana baru kita sampaikan, itu tidaklah munasabah *because* orang yang lain itu memberi pandangan-pandangan dan mana kita rasa tepat, sesuai, perlu didengar dan kita putuskan untuk siapa yang perlu didengar.

Seterusnya, sebelum membincangkan pendekatan dan semua melihat tarikh ini, *can we* dari segi empat perkara yang saya telah sentuh dan juga diulang kali oleh hampir semua:

- (i) meneliti undang-undang dan peraturan, *the legal aspect*;
- (ii) proses pilihan raya itu sendiri;
- (iii) daftar pemilih; dan
- (iv) memperkuatkannya SPR.

Boleh tambah yang keenam itu iaitu sebab *terms of reference* ini mengatakan penambahbaikan ertinya, *thinking of system* yang sedia adalah. *If we* tukar sistem dan pandangan-dengan di luar empat ini, saya tengok ini. *So, I think you have to say* - tetapi saya terbuka dan meneliti pandangan-pandangan untuk *alternative system* boleh...

Tuan Wee Choo Keong: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Boleh, boleh. Ya, Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Cuma bila Tuan Pengerusi sebut, "memperkuatkannya SPR", itu terlalu *general*.

Bagi saya kalau kita sudah *handle all the issues, automatically* SPR itu kukuh and credible. Jadi, itu bukan *terms of reference* yang saya ingat yang tepatlah. Saya ingat ada isu lain.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi saya rasa boleh diperluaskan itu sebab apa yang di dalam perbincangan kita mengenai ini adalah bagaimana pelantikan, bagaimana perihal keperluan tenaga (*resources*) yang diberi kepada mereka, bagaimana melakukan lebih *transparent decision making*. Ha, begitu punya isu tetapi boleh diperluaskan. Akan tetapi *I think the institution part*, sebagai pelaksana sistem, perlu kita addresslah. Yang Berhormat boleh memperluaskan rujukan dari segi yang berkaitan dengan SPRIlah.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Bagaimana terma rujukan yang lain yang teman-teman bangkitkan tadi macam sistem itu *political funding*...

Tuan Pengerusi: *I think* masuk itu boleh *point* satu perkataan,...

Tuan Mohamed Azmin Ali: ...Media...

Tuan Pengerusi: ...Media *I think* ada dalam proses. Proses di sini daripada penamaan calon sampai pengundian, apa yang boleh.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *The word "process" is very wide...*

Tuan Pengerusi: Ya, dia boleh masuk. *Access to media*, begitu semua, di mana *political funding*.

